

KESEDARAN PELAJAR DI KOLEJ KOMUNITI TAMBUNAN TERHADAP PELANGGARAN ETIKA DAN PLAGIARISME DALAM PENULISAN MENGGUNAKAN KECERDASAN BUATAN

STUDENTS' AWARENESS AT KOLEJ KOMUNITI TAMBUNAN TOWARDS ETHICAL VIOLATIONS AND PLAGIARISM IN WRITING USING ARTIFICIAL INTELLIGENCE

Claudia Petin¹

¹ Unit Kolaborasi & Keusahawanan, Kolej Komuniti Tambunan (KKTBS), Malaysia,
(Email: claudia@kktbs.edu.my)

Article history

Received date : 2-2-2025
Revised date : 4-2-2025
Accepted date : 24-3-2025
Published date : 27-3-2025

To cite this document:

Petin, C. (2025). Kesedaran pelajar di Kolej Komuniti Tambunan Terhadap pelanggaran etika dan plagiarisme dalam penulisan menggunakan kecerdasan buatan. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 8 (26), 59 - 66.

Abstrak: Sejak kebelakangan ini isu berkaitan penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam penulisan akademik yang boleh membawa kepada pelanggaran etika, khususnya plagiarisme, sering menjadi bahan perbincangan banyak penyelidikan mahupun di platform media sosial. Berdasarkan kepada isu ini, kajian perlu dijalankan untuk menilai sendiri situasi ini di institusi masing-masing. Justeru itu, objektif kajian adalah untuk mengenal pasti pengalaman pelajar menggunakan teknologi AI dan tahap kesedaran mereka terhadap isu plagiarisme. Di samping itu kajian ini dijalankan untuk menilai cadangan yang lebih efektif untuk mengatasi masalah ini. Kajian ini menggunakan teknik pensampelan rawak untuk mendapatkan data menggunakan instrumen kajian soal selidik 5-skala likat yang diedarkan secara dalam talian. Analisis yang digunakan dalam kajian ini adalah analisis deskriptif untuk mendapatkan min persetujuan responden. Hasil kajian berkaitan pengalaman penggunaan AI mendapati majoriti responden bersetuju bahawa AI membantu pelajar dalam mempercepatkan penulisan. Bagi aspek kesedaran, tahap kesedaran responden adalah pada tahap sederhana berkaitan risiko plagiarisme dan pelanggaran etika jika AI digunakan tanpa panduan. Bagi cadangan pilihan untuk mengatasi plagiarisme, majoriti responden bersetuju bahawa institusi perlu menyediakan panduan khusus dan memberi penekanan terhadap nilai etika dalam penggunaan AI. Kajian ini penting dijalankan bagi membantu Kolej Komuniti Tambunan memastikan integriti akademik dikekalkan khususnya dalam bidang penulisan.

Kata Kunci: kecerdasan buatan, plagiarisme, penulisan akademik.

Abstract: Recently, the issue of using artificial intelligence (AI) in academic writing is potentially leading to ethical violations, particularly plagiarism. It has become a frequent topic of discussion in both academic research and on social media platforms. In light of this concern, a study needs to be conducted to assess the situation within individual institutions. Therefore, the objectives of this study are to identify students' experiences in using AI technology and their

level of awareness regarding plagiarism. Additionally, this study aims to evaluate more effective suggestions to address this issue. A random sampling technique was used to collect data through a 5-point Likert scale questionnaire distributed online. The data were analyzed using descriptive analysis to obtain the mean agreement levels of the respondents. The findings regarding AI usage experiences revealed that the majority of respondents agreed that AI helps students expedite their writing processes. In terms of awareness, respondents demonstrated a moderate level of awareness about the risks of plagiarism and ethical breaches when AI is used without guidance. For proposed solutions to overcome plagiarism, most respondents agreed that institutions should provide clear guidelines and emphasize ethical values in the use of AI. This study is important in helping Kolej Komuniti Tambunan uphold academic integrity, particularly in the field of academic writing.

Keywords: *artificial intelligence, plagiarism, academic writing.*

Pengenalan

Kemajuan teknologi telah menjadi semakin meluas pada hari ini, dan kemunculan teknologi Kecerdasan Buatan antara yang menjadi perhatian khususnya dalam kalangan pelajar. Ini kerana teknologi AI dilihat dapat membantu dalam pelbagai aspek kehidupan pelajar seperti penghasilan idea, menjawab soalan, sumber pembelajaran hinggalah kepada bantuan penulisan. Penggunaan AI telah dianggap normal pada masa kini khususnya dalam bidang akademik, sehingga membawa kepada tanggapan bahawa penulisan bersama manusia-mesin harus menjadi kebiasaan (Zhao et al., 2024). Salah satu faedah utama penulisan kandungan kecerdasan buatan ialah ia boleh membantu mencipta kandungan dengan lebih pantas. Di samping itu, AI sebagai alat yang boleh membantu mempercepatkan aliran kerja pelajar, sama seperti cara penyemak tatabahasa seperti Grammarly mengurangkan keperluan untuk pengeditan dan pembacaan bagi semakan (pruf) yang panjang. Ini kerana alat penulisan kandungan AI menggunakan kuasa automasi dan teknologi pembelajaran mesin untuk mencipta kandungan seolah-olah manusia menulisnya. Hanya beberapa tahun yang lalu, penulis AI dihadkan kepada tidak lebih daripada beberapa ayat atau perenggan pendek, dan bukan penulisan berkualiti tinggi pada masa itu. Tetapi dalam beberapa tahun kebelakangan ini, teknologi ini telah berkembang menjadi alat canggih yang boleh mencipta sebarang karya bertulis yang dikehendaki oleh seseorang seperti blog, salinan pemasaran, puisi, lagu, dan juga cerpen (Sonix, 2023).

Walaupun begitu kajian Almazrou et al. (2024) menimbulkan persoalan tentang tingkah laku yang tidak beretika dalam penulisan akademik, termasuk plagiarisme, atribusi, hak cipta dan kepengarangan dalam konteks kandungan yang dijana AI. Untuk menangani perkara ini, kajian Gallagher dan Wagner (2024) telah mengumpulkan pemahaman semasa pelajar tentang plagiarisme dan penulisan yang dihasilkan oleh AI. Sebenarnya kemajuan teknologi kecerdasan buatan (AI) telah membawa perubahan besar dalam dunia pendidikan, termasuk kemudahan yang ditawarkan dalam proses penulisan. Namun, di sebalik manfaat ini, wujud kebimbangan terhadap pelanggaran etika dan plagiarisme dalam penggunaan teknologi tersebut. Dalam konteks penulisan ilmiah dalam kalangan pelajar, masih belum jelas sejauh mana kesedaran pelajar mengenai isu-isu etika seperti keaslian idea, kebergantungan terhadap AI, dan potensi pelanggaran akademik. Apabila kurangnya kesedaran berkaitan isu ini, ianya akan menyebabkan peningkatan kes-kes plagiarisme yang kemungkinan tidak disengajakan, penyalahgunaan teknologi AI, serta nilai-nilai integriti akademik tidak dipatuhi oleh pelajar.

Justeru, berdasarkan kepada isu ini, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti sejauh mana pelajar menggunakan AI bagi tujuan penulisan, seterusnya memahami tahap kesedaran pelajar terhadap isu pelanggaran etika plagiarisme, serta mengenal pasti apakah cadangan utama yang perlu dilaksanakan bagi mengatasi isu ini.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan dengan tiga objektif dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Tambunan Sabah adalah untuk mengenal pasti:

1. Pengalaman menggunakan teknologi AI dalam penulisan
2. Tahap kesedaran penggunaan AI terhadap isu pelanggaran etika plagiarisme
3. Pilihan cadangan mengatasi isu pelanggaran etika dan plagiarisme

Sorotan Kajian

Plagiarisme dalam penulisan pelajar telah menjadi isu yang semakin membimbangkan, terutamanya dengan kemunculan teknologi canggih seperti alat kecerdasan buatan (AI). Penyepaduan AI dalam pendidikan telah menimbulkan kebimbangan tentang integriti akademik, kerana pelajar mungkin mengeksploitasi teknologi ini untuk memudahkan plagiarisme (Currie, 2023; Song, 2024). Plagiarisme ditakrifkan sebagai tindakan menggunakan karya orang lain tanpa pengakuan atau kebenaran yang sewajarnya, dengan menganggapnya sebagai karya asal sendiri. Plagiarisme digambarkan sebagai kecurian sastera dan serangan ke atas keperibadian (Pallivathukal et al., 2024). Disebabkan isu ini merupakan perkara yang perlu dipandang berat, kebanyakan universiti mempunyai dasar toleransi sifar terhadap plagiarisme (Standler, 2012). Plagiarisme merupakan isu yang sangat kompleks kerana ia melangkaui sempadan antara integriti akademik dan literasi akademik (Pecorari, 2024). Menurut Vieyra dan Weaver (2023), plagiarisme biasanya berlaku apabila pelajar mempunyai pemahaman yang terhad tentang cara menggabungkan dan memetik bahan sumber secara beretika dalam penulisan mereka, dan umumnya pelajar dalam STEM lebih cenderung untuk melakukan plagiat berbanding pelajar dalam bidang kemanusiaan atau sains sosial.

Penyelidikan menunjukkan bahawa pelajar menggunakan pelbagai strategi untuk melakukan plagiarisme, bermula daripada penyalinan secara terang-terangan kepada bentuk manipulasi teks yang lebih halus, seperti menguraikan semula atau menggunakan perkhidmatan parafrasa dalam talian (Elkhatat, 2023). Abdelnasser (2024) yang mendapati bahawa faktor seperti tekanan tugas dan persepsi budaya secara signifikan mempengaruhi kemungkinan pelajar untuk memplagiat. Ini menunjukkan bahawa untuk menangani punca plagiarisme, institusi perlu memupuk budaya integriti akademik. Kajian Miranda-Rodríguez, (2024) dan William (2024), menekankan kepentingan inisiatif pendidikan supaya memberitahu pelajar tentang implikasi etika plagiarisme dan juga melengkapkan mereka dengan kemahiran praktikal untuk petikan yang betul dan penulisan beretika. Di samping itu, peranan pendidik juga adalah penting untuk menekankan kejujuran akademik dan menyediakan garis panduan yang jelas tentang amalan yang boleh diterima untuk mengurangkan budaya tidak beretika dalam penulisan (Halik, 2024).

Metodologi

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kuantitatif yang dilaksanakan melalui kaedah tinjauan. Responden kajian terdiri daripada 58 pelajar di Kolej Komuniti Tambunan. Proses pentadbiran item kajian dilakukan secara sendiri, namun semua item telah disemak oleh pensyarah yang

mengajar metodologi untuk memastikan ketepatan pembinaan instrumen. Kebolehpercayaan 24 item yang digunakan menunjukkan nilai Cronbach Alpha yang sangat tinggi, iaitu 0.963. Instrumen utama kajian ini adalah soal selidik, yang diedarkan kepada responden melalui Google Form. Data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif bagi menentukan skor min persepsi pelajar. Skor min ini kemudiannya diterjemahkan kepada tahap seperti yang dicadangkan oleh Ngadiman et al. (2019), iaitu: 1.00–1.99 (Lemah), 2.00–2.99 (Rendah), 3.00–3.99 (Sederhana), dan 4.00–5.00 (Tinggi).

Hasil Kajian

Demografi Responden

Jadual 1: Latar Belakang Responden

Item		n	%
Jantina	Lelaki	27	46.6
	Perempuan	31	53.4
Semester	1	27	46.6
	2	7	12.1
	3	24	41.4
Program	Sijil Agroteknologi	7	12.1
	Sijil Pengembaraan Pelancongan	38	65.5
	Sijil Teknologi Penyelenggaraan	13	22.4
	Kenderaan Pacuan Empat Roda		

Jadual 1 menunjukkan latar belakang responden kajian yang terdiri daripada 46.6 peratus pelajar lelaki dan 53.4 peratus pelajar perempuan. Majoriti pelajar adalah daripada semester 1 (46.6 peratus) diikuti oleh semester 3 (41.4 peratus). Dari segi program majoriti pelajar yang mengambil bahagian menjawab soal selidik adalah dari program Sijil Pengembaraan Pelancongan (65.5 peratus) diikuti oleh Sijil Penyelenggaraan Kenderaan Pacuan Empat Roda (22.4 %). Data ini menunjukkan pelajar bukan la daripada program sains sosial yang memerlukan banyak penulisan.

Analisis Pengalaman Pelajar Menggunakan Teknologi AI Dalam Penulisan

Jadual 2: Analisis Pengalaman Pelajar Menggunakan Teknologi AI Dalam Penulisan

No	Item	Min	S.Piawai
P1	Kerap menggunakan AI (contohnya, <i>ChatGPT</i> , <i>Grammarly</i> , atau alat AI lain) untuk membantu dalam tugas penulisan.	3.517	0.822
P2	AI membantu memperbaiki tatabahasa dan struktur ayat dalam tugas.	3.241	0.865
P3	Menggunakan AI untuk menjana idea atau rangka penulisan.	3.534	0.821
P4	AI mempermudah dan mempercepatkan proses penulisan.	3.466	0.883
P5	Bergantung sepenuhnya kepada AI untuk menghasilkan sebahagian tugas saya.	2.707	0.937

Dapatan dalam Jadual 2 menunjukkan pengalaman pelajar menggunakan teknologi AI dalam penulisan. Secara keseluruhannya, pengalaman penggunaan adalah pada tahap sederhana. Berdasarkan kepada pengalaman penggunaan AI, majoriti responden bersetuju bahawa AI mereka dalam penulisan akademik. Dapatan ini selari dengan kajian Fatoni et al. (2024) yang menjelaskan AI seperti Chat GPT membantu mahasiswa dalam penulisan. Walaupun begitu, Dapatan menunjukkan pelajar tidak bergantung sepenuhnya dengan AI dalam menyiapkan tugas akademik.

Analisis Tahap Kesedaran Penggunaan AI Terhadap Isu Pelanggaran Etika Plagiarisme

Jadual 3: Analisis Tahap Kesedaran Dalam Isu Pelanggaran Etika Plagiarisme

No	Item	Min	S.Piawai
K1	Percaya bahawa penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam penulisan akademik boleh menyebabkan pelanggaran etika	3.276	0.933
K2	Memahami dengan jelas apa yang dimaksudkan dengan plagiarisme dalam konteks penulisan akademik	3.345	1.001
K3	Berasa bahawa pelajar perlu dilatih untuk mengenali dan mengelakkan plagiarisme ketika menggunakan AI dalam penulisan	3.603	0.917
K4	Percaya bahawa penggunaan AI dalam penulisan meningkatkan risiko plagiarisme	3.448	0.862
K5	Merasakan bahawa penggunaan AI dalam penulisan boleh mengurangkan keaslian dan integriti tugas akademik	3.293	0.838
K6	Percaya bahawa pelajar sering menggunakan AI untuk menghasilkan kerja tanpa memberikan kredit kepada sumber asal	3.466	0.941
K7	Percaya plagiarisme boleh berlaku walaupun AI digunakan secara bertanggungjawab.	3.466	0.863
K8	Percaya pelajar tidak sedar bahawa hasil AI yang serupa dengan karya lain adalah plagiarisme.	3.362	0.892
K9	Sedar bahawa menyalin kandungan AI tanpa menyuntingnya adalah satu pelanggaran etika.	3.466	0.959
K10	Sedar bahawa menggunakan AI untuk menjawab soalan tanpa memahami kandungannya boleh menjejaskan integriti akademik.	3.569	0.975
K11	Sedar bahawa menyerahkan tugas dengan kandungan sepenuhnya dari AI dianggap tidak bertanggungjawab secara akademik.	3.517	0.863
K12	Sedar bahawa menggunakan AI tanpa memeriksa ketepatan maklumat boleh membawa kepada maklumat yang salah dalam tugas.	3.672	0.925
K13	Sedar bahawa menghasilkan rujukan palsu dengan bantuan AI adalah melanggar etika penulisan.	3.517	0.960
K14	Sedar saya banyak melakukan plagiarisme dalam penulisan menggunakan AI	3.207	0.833

Jadual 3 menunjukkan analisis tahap kesedaran pelajar tentang plagiarisme dan pelanggaran etika dalam penulisan menggunakan AI. Secara rumusannya, skor min semua item berada antara 3.00 – 3.99 yang menunjukkan tahap kesedaran adalah berada pada tahap sederhana. Dapatan ini menjelaskan bahawa walaupun pelajar menggunakan AI (seperti dalam Jadual 2), namun pelajar juga sedar berkaitan dengan isu plagiarisme dan pelanggaran etika sekiranya AI tidak digunakan dengan beretika. Dapatan ini selari dengan kajian Hosni et al. (2023) yang menjelaskan bahaya sebenarnya ramai yang sedar bahaya plagiarisme dan potensi AI kepada plagiarisme (Oleh yang demikian terdapat ruang bagi institusi untuk merangka program kesedaran bahaya AI dalam plagiarisme (Resky & Suharyat, 2024).

Analisis Pilihan Cadangan Mengatasi Isu Pelanggaran Etika Dan Plagiarisme

Jadual 4: Analisis Pilihan Cadangan Mengatasi Isu Pelanggaran Etika Dan Plagiarisme

No	Item	Min	S.Piawai
C1	Kolej Komuniti perlu menyediakan panduan khusus untuk penggunaan AI dalam penulisan akademik.	3.483	0.822
C2	Pensyarah perlu memberi pandangan yang lebih jelas tentang had penggunaan AI.	3.586	0.879
C3	Hukuman yang tegas perlu dikenakan terhadap pelanggaran etika penulisan menggunakan AI.	3.259	1.001
C4	Latihan berkaitan etika AI harus menjadi sebahagian daripada modul wajib Kolej Komuniti.	3.293	0.955
C5	Integrasi AI dalam pendidikan harus disertakan dengan nilai etika yang kukuh.	3.448	0.862

Sementara itu, Jadual 4 menjelaskan persetujuan responden terhadap langkah yang perlu dilakukan untuk menangani isu plagiarisme. Majoriti responden bersetuju bahawa pensyarah perlu memberi pandangan yang lebih jelas tentang had penggunaan AI (min = 3.586) diikuti oleh Kolej Komuniti perlu menyediakan panduan khusus untuk penggunaan AI dalam penulisan akademik (min = 3.483). Dapatan ini selari dengan kajian Asidiqi et al. (2024) yang menjelaskan institusi perlu menyediakan buku panduan dalam penggunaan AI dalam akademik.

Kesimpulan

Secara rumusannya, kajian ini mendapati responden bersetuju bahawa AI membantu dalam penulisan akademik. Di samping itu pelajar juga sedar bahawa penggunaan AI akan cenderung kepada punca plagiarisme. Oleh yang yang demikian, bagi menangani isu plagiarisme dalam penulisan akademik, majoriti responden bersetuju bahawa perlunya ada panduan khusus dalam penggunaan AI. Secara kesimpulannya, kepentingan beretika dan mengelakkan plagiarisme dalam penulisan menggunakan kecerdasan buatan (AI) adalah asas dalam memastikan integriti dan keaslian hasil kerja akademik serta profesional. Apabila pelajar menggunakan AI untuk menghasilkan kandungan, penting untuk memastikan teknologi tersebut digunakan sebagai alat bantu, bukan sebagai pengganti kreativiti atau pemikiran kritis mereka. Mengelakkan plagiarisme bukan sahaja melindungi hak cipta individu lain tetapi juga mencerminkan kejujuran, tanggungjawab, dan penghormatan terhadap nilai-nilai akademik.

Rujukan

- Abdelnasser, A. (2024). Is it bad apples or bad barrels? undergraduate medical students attitude towards plagiarism; transcultural study.. <https://doi.org/10.21203/rs.3.rs-3921845/v1>
- Almazrou, S., Alanezi, F., Almutairi, S. A., AboAlsamh, H. M., Alsedrah, I. T., Arif, W. M., ... & Attar, R. W. (2024). Enhancing medical students critical thinking skills through ChatGPT: An empirical study with medical students. *Nutrition and Health*, 02601060241273627.
- Asidiqi, D. F., Ginanjar, A., & Adiputra, D. K. (2024). Pengembangan Buku Panduan Guru Dalam Mengoptimalkan Artificial Intelligence (AI) Untuk Menunjang Pembelajaran. *Academy of Education Journal*, 15(2), 1615-1621.
- Elkhatat, A. (2023). Evaluating the efficacy of ai content detection tools in differentiating between human and ai-generated text. *International Journal for Educational Integrity*, 19(1). <https://doi.org/10.1007/s40979-023-00140-5>
- Fatoni, P., Ferdinand, I., Sajidin, F., Jaja, J., & Kurnia, M. D. (2024). Pemanfaatan Teknologi AI dan Chat GPT dalam Penulisan Artikel Mahasiswa. *Jubah Raja: Jurnal Bahasa, Sastra, Dan Pengajaran*, 3(1), 143-149.
- Gallagher, J., & Wagner, K. (2024). Comparing Student and Writing Instructor Perceptions of Academic Dishonesty When Collaborators Are Artificial Intelligence or Human. In J. Gallagher & K. Wagner, *Journal of Business and Technical Communication* (Vol. 38, Issue 3, p. 266). SAGE Publishing. <https://doi.org/10.1177/10506519241239937>
- Halik, A. (2024). The role of lecturers in avoiding student plagiarism practices. *Kne Social Sciences*. <https://doi.org/10.18502/kss.v9i2.14842>
- Hosni, A., Ariffin, M. F. M., & Ishak, H. (2023). Editorial Notes: Isu Dan Cabaran Chatgpt Terhadap Pengajian Islam. *Al-Turath Journal of Al-Quran and Al-Sunnah*, 8(1).
- Miranda-Rodríguez, R. (2024). Effectiveness of intervention programs in reducing plagiarism by university students: a systematic review. *Frontiers in Education*, 9. <https://doi.org/10.3389/educ.2024.1357853>
- Ngadiman, D. W. T., Yacoob, S. E., & Wahid, H. (2019). Tahap Harga Diri Kumpulan Berpendapatan Rendah yang Berhutang dan Peranan Organisasi dalam Sektor Perladangan. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 12(2), 238-254.
- Pallivathukal, R. G., Soe, H. H. K., Donald, P. M., Samson, R. S., & Ismail, A. R. H. (2024). ChatGPT for Academic Purposes: Survey Among Undergraduate Healthcare Students in Malaysia. In R. G. Pallivathukal, H. H. K. Soe, P. M. Donald, R. S. Samson, & A. R. H. Ismail, *Cureus*. Cureus, Inc. <https://doi.org/10.7759/cureus.53032>
- Pecorari, D. (2024). Plagiarism, international students, and the second-language writer. In *Second Handbook of Academic Integrity* (pp. 451-465). Cham: Springer Nature Switzerland.
- Resky, M., & Suharyat, Y. (2024). Analysis of AI Technology Utilization in Islamic Education. *Procedia of Social Sciences and Humanities*, 5, 132-140.
- Sonix. (2023, February 23). *How AI content writing & transcription can boost your business*. Retrieved from <https://sonix.ai/resources/ai-content-writing/>
- Standler, R. B. (2012). *Plagiarism in colleges in USA: Legal aspects of plagiarism, academic policy*. Retrieved from <http://www.rbs2.com/plag.pdf>
- Vieyra, M. L., & Weaver, K. D. (2023). Exploring factors contributing to plagiarism as students enter STEM higher education classrooms. *Issues in Science and Technology Librarianship*, (102).
- William, F. (2024). What is plagiarism in academic writing and how to avoid it: guiding novice researchers. *IJRP*, 144(1). <https://doi.org/10.47119/ijrp1001441320246161>

Zhao, Y., Borelli, A., Martínez, F. J., Xue, H., & Weiss, G. M. (2024). Admissions in the age of AI: detecting AI-generated application materials in higher education. In Y. Zhao, A. Borelli, F. J. Martínez, H. Xue, & G. M. Weiss, *Scientific Reports* (Vol. 14, Issue 1). Nature Portfolio. <https://doi.org/10.1038/s41598-024-77847-z>